

Utama prestasi 100 hari anggota Kabinet

BH-1/10/2021
m/s: 2

Setiap Jemaah Menteri diarah umum laporan untuk dinilai pencapaian

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan meletakkan pencapaian aspirasi setiap ahli Jemaah Menteri untuk 100 hari pertama sebagai keutamaan tertinggi bagi memberi khidmat terbaik kepada rakyat, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, prestasi aspirasi setiap Jemaah Men-

teri bagi 100 hari pertama di bawah pentadbiran kerajaan dinilai berdasarkan tiga elemen utama.

Katanya, tiga elemen itu adalah penilaian prestasi kementerian dan jabatan; penilaian kepemimpinan berdasarkan keberkesanan keberhasilan inisiatif serta penilaian persepsi awam terhadap Ahli Jemaah Menteri dan kementerian serta jabatan di bawah tanggungjawab mereka.

"Ahli Jemaah Menteri juga diarah mengumumkan Kad Laporan Pencapaian Aspirasi Keluarga Malaysia 100 hari ini kepada rakyat, bagi menilai pencapaian prestasi menteri dan kementerian demi kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya dalam kenyataan, semalam.

Perdana Menteri ketika mengumumkan pelantikan anggota



Ismail Sabri pada sesi bersama ahli Jemaah Menteri untuk memuktamadkan senarai Pencapaian Aspirasi Keluarga Malaysia 100 hari di Putrajaya, semalam. (Foto Ihsan PMO /BH)

Kabinet 27 Ogos lalu menetapkan setiap menteri perlu membuktikan pencapaian awal dalam tempoh 100 hari pertama perkhidmatan.

Perdana Menteri mengangkat sumpah jawatan pada 21 Ogos lalu dan mengumumkan senarai Kabinet yang merangkumi 31 menteri dan 38 timbalan menteri, seminggu selepas itu.

Ismail Sabri berkata, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 September lalu bersetuju supaya anggota Jemaah Menteri membentangkan laporan prestasi setiap aspirasi masing-masing bagi

100 hari pertama pentadbiran Kerajaan mulai dari 1 September.

Katanya, pelaksanaan inisiatif bagi setiap aspirasi adalah berlandaskan enam teras utama.

Teras itu adalah menstruktur semula ekonomi; menjamin keselamatan dan ketenteraman negara; meningkatkan kesejahteraan sosial; mempertingkatkan infrastruktur menyeluruh; memperkukuh penyatuan dalam acuan Keluarga Malaysia dan memperkasa penyampaian perkhidmatan

"Dalam hal ini, Pejabat Ketua Setiausaha Negara, Unit Pemo-

denan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) dan Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU) akan bertindak sebagai penyelaras bersama bagi memastikan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan setiap aspirasi Keluarga Malaysia oleh ahli Jemaah Menteri dapat dijayakan dengan cemerlang.

"Pada 24 September dan 29 September 2021 beliau mengadakan sesi bersama semua 31 ahli Jemaah Menteri untuk memuktamadkan senarai aspirasi yang telah dicadangkan," katanya.